

Duo pemuzik tradisional Jepun bakal adakan demonstrasi di UMS

DE 4.1.2019 3

KOTA KINABALU: Duo pemuzik tradisional Jepun, Hiromu Motogana dan Azumi Yamano, akan mengadakan kuliah dan mengadakan demonstrasi awam di sini, pada akhir bulan ini.

Yayasan Jepun Kuala Lumpur (JFKL) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membawa Motogana dan Yamano untuk satu kuliah yang akan diadakan di Bilik Kristal, UMS, pada 29 Januari.

Kuliah itu disasarkan kepada pelajar program muzik dan kreatif UMS, sementara demonstrasi peralatan muzik tradisional Jepun, Shakuhachi dan Koto akan diadakan di Dewan Resital, dari jam 2-4 petang, 30 Januari.

Demonstrasi ini dibuka secara percuma kepada orang ramai tetapi pra-pendaftaran diperlukan menerusi emel kepada info@jfkf.org.my pada atau sebelum 20 Januari.

Ketika datang ke sini, duo tersebut akan memperkenalkan Shakuhachi dan Koto.

Shakuhachi adalah seruling buluh

Jepun yang ditiup pada hujungnya yang digunakan oleh sami-sami taifah Fuke daripada Buddha Zen yang mengamalkan Suizen buat berabad lamanya.

Sementara itu, Koto pula adalah peralatan muzik bertali tradisional Jepun yang dahulunya instrumen popular dalam kalangan bangsawan.

Pada masa itu, pemain Koto yang berpengalaman dianggap sebagai seorang yang sangat menawan kerana ia dapat menonjolkan kecantikan seseorang ketika dia membuat persembahan.

Motogana mengambil bahagian dalam projek pertukaran muzik Malaysia-Jepun anjuran JFKL semenjak 2015 dan kemudiannya membuat persembahan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kuching, bekerjasama dengan pemuzik tradisional dan kontemporari tempatan.

Yamano menyertai projek tersebut pada 2016 dan membuat persembahan dengan Motogana di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Untuk maklumat lanjut, layari jfkf.org.my.



MOTOGANA dan Yamano membuat persembahan dengan pemuzik lain semasa konsert ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik Malaysia-Jepun.